

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	BAS 40 PENUMPANG / SCANIA K94IB4X2	WNA 6551	1	RM8,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 20 November 2025 hingga 26 November 2025 di antara jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di alamat **Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jalan 2 Sungai Lang, 45100 Sabak Bernam, Selangor**. Pegawai yang boleh dihubungi ialah Ir. Shahrulnizam bin Mohd Ishak (No. Telefon: 03-32172028).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang juga boleh diperolehi di alamat seperti di para 2. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda dengan **Sebut Harga JANM Bil. 16/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2, 62594 Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **26 November 2025 jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah



DATO' ZAINANI BINTI JUSOH C.A (M)
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

TARIKH: 20/11/2025

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.